AUTHOR: No author available SECTION: BISNES PAGE: 32 PRINTED SIZE: 232.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 1,770.00 ITEM ID: MY0069121062



05 MAY, 2026

Produk Mara bernilai AS$100 juta dipasarkan di Asia Barat

Sinar Harian, Malaysia

Produk Mara bernilai AS$100 juta dipasarkan di Asia Barat

FOTO: BERNAMA



Ahmad Zahid (tengah) melawat reruai pameran selepas Majlis Pelancaran Ekosistem Halal Mara di Dewan Tun Razak 3 Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur pada Isnin.

RANGKAIAN pasar raya global, Lulu Hypermarket menyatakan komitmen untuk membeli dan memasarkan produk halal usahawan Majlis Amanah Rakyat (Mara) bernilai AS$100 juta (kira-kira RM470 juta) bagi pasaran antarabangsa bermula 1 Julai depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, komitmen tersebut dinyatakan sendiri pemilik rangkaian pasar raya tersebut, Yusuff Ali dalam satu pertemuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, minggu lepas.

Justeru, Ahmad Zahid berkata, beliau mengarahkan pengurusan tertinggi Mara untuk segera menyelaras produk-produk usahawan bimbingannya bagi memenuhi permintaan pasaran dunia, khususnya di rantau Asia Barat menerusi rangkaian pasar raya berkenaan.

"Saya menyatakan kepada beliau (Yusuff Ali) di depan Perdana Menteri, jangan lihat kanan, jangan lihat kiri, mesti bekerjasama dengan Mara untuk membeli produk-produk halal ini untuk pasaran dunia.

"Beliau mahu melakukannya mulai 1 Julai tahun ini juga bagi memasarkan produk-produk tersebut," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Ekosistem Halal Mara pada Isnin. - *Bernama*

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.

AUTHOR: No author available SECTION: BISNES PAGE: 32 PRINTED SIZE: 232.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: AUD 1,770.00 ITEM ID: MY0069121062



05 MAY, 2026

Produk Mara bernilai AS$100 juta dipasarkan di Asia Barat

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

RANGKAIAN pasar raya global, Lulu Hypermarket menyatakan komitmen untuk membeli dan memasarkan produk halal usahawan Majlis Amanah Rakyat (Mara) bernilai AS$100 juta (kira-kira RM470 juta) bagi pasaran antarabangsa bermula 1 Julai depan. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, komitmen tersebut dinyatakan sendiri pemilik rangkaian pasar raya tersebut, Yusuff Ali dalam satu pertemuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, minggu lepas.

© Rural Press Pty Limited. No redistribution is permitted. This content can only be copied and communicated with a copyright licence.